

**Semua Ketua Bahagian/Unit/Dekan Fakulti/
Pengarah Kampus Cawangan**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Y. Bhg. Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan

KURSUS INDUKSI MODUL KHUSUS UiTM DAN KURSUS INDUKSI MODUL UMUM UiTM BAGI KUMPULAN I (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL GRED 41 HINGGA 54) SERTA YANG SETARAF DENGAN KUMPULAN SOKONGAN 1 (GRED 27 HINGGA GRED 40) BAGI TAHUN 2009

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM), Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi MARA (UiTM) akan menganjurkan Kursus Induksi yang tersebut di atas untuk tahun 2009.

Dimaklumkan bahawa **pelawaan** pihak Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (**JPbSM**), adalah **melalui surat jemputan kepada penama yang dicalonkan**, berdasarkan kepada tarikh lantikan bagi mengikuti Kursus Induksi Modul Khusus dan Umum (**borang permohonan Kursus Induksi tidak diedarkan lagi**). Kursus ini adalah sebagai salah satu syarat bagi urusan pengesahan ke dalam perkhidmatan bagi staf UiTM. Tarikh Kursus yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

- | | |
|---|---------------------------------|
| a) Kursus Induksi Modul Khusus UiTM Bil. 106/2009 | - 11 Mac 2009 - 13 Mac 2009 |
| Kursus Induksi Modul Umum UiTM Bil. 123/2009 | - 13 Mac 2009 - 26 Mac 2009 |
| b) Kursus Induksi Modul Khusus UiTM Bil. 107/2009 | - 15 April 2009 - 17 April 2009 |
| Kursus Induksi Modul Umum UiTM Bil. 124/2009 | - 17 April 2009 - 30 April 2009 |
| c) Kursus Induksi Modul Khusus UiTM Bil. 108/2009 | - 13 Mei 2009 - 15 Mei 2009 |
| Kursus Induksi Modul Umum UiTM Bil. 125/2009 | - 15 Mei 2009 - 28 Mei 2009 |
| d) Kursus Induksi Modul Khusus UiTM Bil. 109/2009 | - 10 Jun 2009 - 12 Jun 2009 |
| Kursus Induksi Modul Umum UiTM Bil. 126/2009 | - 12 Jun 2009 - 25 Jun 2009 |
| e) Kursus Induksi Modul Khusus UiTM Bil. 110/2009 | - 15 Julai 2009 - 17 Julai 2009 |
| Kursus Induksi Modul Umum UiTM Bil. 127/2009 | - 17 Julai 2009 - 30 Julai 2009 |
| f) Kursus Induksi Modul Khusus UiTM Bil. 111/2009 | - 12 Ogos 2009 - 14 Ogos 2009 |
| Kursus Induksi Modul Umum UiTM Bil. 128/2009 | - 14 Ogos 2009 - 27 Ogos 2009 |

(TERTAKLUK KEPADA JADUAL PEPERIKSAAN JPA 2008)

- 1 -

Laman web : <http://www.pendaftar.uitm.edu.my>



Certified to ISO 9001:2000
Cert. No. : AR 3347

Certified to ISO 9001:2000
Cert. No. : MY-AR 3347

1.0 KAKITANGAN YANG LAYAK MENGIKUTI KURSUS

1.1 Induksi Modul Khusus

- 1.1.1 Pegawai UiTM Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Pensyarah (Gred 41 hingga Gred 54) serta yang setaraf dengan Kumpulan Sokongan 1 (Gred 27 hingga Gred 40).
- 1.1.2 Lantikan baru atau dilantik melalui Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) pada atau selepas **01 Januari 1997**.
- 1.1.3 Staf yang dilantik ke Jawatan Tetap dan belum disahkan dalam perkhidmatan.

1.2 Induksi Modul Umum

- 1.2.1 Pegawai Kerajaan/ Badan Berkanun/ Agensi Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional/ Pensyarah (Gred 41 hingga Gred 54) serta yang setaraf dengan Kumpulan Sokongan 1 (Gred 27 hingga Gred 40).
- 2.2.2 Lantikan baru atau dilantik melalui Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke Skim Perkhidmatan yang lebih tinggi pada atau selepas 01 Januari 1992.
- 2.2.3 Belum lulus Peperiksaan Am Kerajaan.
- 2.2.4 Staf yang dilantik ke jawatan tetap dan belum disahkan dalam perkhidmatan.

2.0 PENGECUALIAN DARI MENDUDUKI KURSUS INDUKSI MODUL UMUM

- 2.1 Kakitangan yang telah mengikuti Kursus Induksi Modul Umum dengan jayanya dan kemudian dilantik atau dilantik melalui Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke perkhidmatan lain atau ke perkhidmatan yang lebih tinggi dalam kumpulan yang sama.
- 2.2 Pegawai UiTM Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Pensyarah (Gred 41 hingga gred 54) serta yang setaraf dengan Kumpulan Sokongan 1 (Gred 27 hingga gred 40).
- 2.3 Permohonan pengecualian hendaklah dihantar kepada :

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM

berserta dengan **salinan keputusan Peperiksaan Am Kerajaan** atau **salinan Sijil Penyertaan Kursus Induksi**.

3.0. TEMPAT KURSUS

Pusat Latihan UiTM, Kampung Gajah, 31800, Tanjung Tualang Perak.
(Tertakluk kepada pindaan)

Sehubungan itu, sukacita kiranya Y. Bhg. Dato'/ Datin/ Prof./ Tuan/ Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada kakitangan-kakitangan Y. Bhg. Dato'/ Datin/ Prof./ Tuan/ Puan yang berkenaan. **Sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Zaleha Mohd Nusi, Encik Mohd Azlin Jalil atau Puan Azian Saleh di talian 3105, 3104 dan 3107.**

Sekian, terima kasih. Wassalam.

JADIKAN UiTM YANG TERBAIK
UTAMAKAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISMA

Yang benar

HAMIDAH MOHAMAD

Ketua Timbalan Pendaftar
b.p. Pendaftar

No. Fail: 100-BPD(JPbSM/UL/Pep.6/1)
Tarikh : 26 Disember 2008

MA/as/pekeliling